

09/10/1997

Apabila orang Timur enggan amal nilai sendiri

Musomar

DAVID Rice tidak pernah ke Kuala Lumpur, tetapi pengusaha dari Nashville, Tennessee, Amerika Syarikat ini banyak mengetahui mengenai Malaysia dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Ketika bertemunya di Muzium Del Prado di Madrid, Sepanyol minggu lalu, dia menyatakan kekagumannya terhadap kemampuan Perdana Menteri menangani ancaman terhadap ekonomi negara sekarang, selain keberanian Dr Mahathir memperjuangkan nasib negara membangun. Malah, Rice turut berkongsi pendirian mengenai kegiatan spekulator tukaran mata wang asing yang dianggapnya tidak bermoral.

Mungkin Rice tidak boleh mewakili rakyat Amerika lain, tetapi ia cukup membuktikan bahawa tidak semua orang Amerika bersikap seperti George Soros, jutawan yang hanya mementingkan keuntungan tanpa memikirkan soal nilai. Dalam soal nilai ini, Rice yang mengaku kurang arif dengan 'nilai Timur' berpendapat nilai yang dimiliki oleh orang Asia begitu tinggi dan nilai seperti itu sebenarnya turut dimiliki oleh masyarakat Barat, cuma bezanya mereka tidak mengatakan bahawa nilai mereka lebih baik daripada masyarakat lain.

Apa yang dikatakan Rice ada benarnya, malah dia sendiri menunjukkan nilai baik yang sukar kita temui di tempat kita sendiri. Walaupun dia seorang presiden dan ketua pegawai eksekutif sebuah syarikat perlombongan yang mempunyai lebih 5,000 pekerja di Amerika Syarikat dan Amerika Selatan, Rice sedikit pun tidak menunjukkan sikap angkuh dan besar diri. Keakraban yang ditunjukkan walaupun pertama kali bertemu, mengajak saya berfikir semula benarkah anggapan saya selama ini bahawa orang Barat sudah hilang nilai murni?

Selain itu, saya sendiri melalui pengalaman yang menarik ketika berada di Madrid. Sepanyol boleh dianggap sebagai negara maju dan masyarakatnya mempunyai budaya yang tinggi. Walaupun agak sukar untuk berkomunikasi dengan mereka yang begitu mengagungkan bahasa ibunda, Sepanyol, sikap mereka terhadap orang luar perlu dipuji. Setiap kali saya bertanya arah atau tempat tertentu, mereka cuba sedaya upaya untuk membantu, walaupun dengan bahasa Inggeris yang serba tak kena. Mereka juga murah senyum dan tidak segan untuk memimpin tangan warga tua ketika melintas jalan sesak.

Bandar rayanya boleh dikatakan bersih. Tidak ada sampah berserakan di taman menghijau di tengah kota, kecuali daun kering yang berguguran. Kereta dan bas yang bersimpang-siur akan berhenti tanpa disuruh apabila melihat pejalan kaki melangkah untuk menyeberang. Seorang lelaki yang duduk di sebelah saya ketika minum petang, meminta izin daripada saya untuk menghisap rokok walaupun dia boleh berbuat demikian tanpa perlu meminta kebenaran.

Itulah antara nilai yang mengagumkan saya, mereka menghormati hak orang lain dan mereka juga sentiasa berusaha untuk tidak menghampakan orang lain. Mungkin tidak semua warga kota Madrid bersikap begitu, tetapi beberapa contoh yang dapat saya lihat sendiri sudah cukup meyakinkan saya bahawa nilai hidup mereka perlu dipuji.

Malangnya, kita di Malaysia yang sering mengaku memiliki nilai Timur yang tinggi, bersopan santun dan lemah lembut, sebaliknya bersifat buruk. Orang kita tidak gemar menjaga kebersihan sehingga ditegur oleh Perdana Menteri baru-baru ini. Orang kita begitu rakus ketika berada di jalan raya, malah tidak kurang pejalan kaki yang menjadi mangsa mereka. Orang kita juga semakin sukar ditemui membantu orang asing yang tersesat jalan, malah ada pemandu teksi yang masih mengambil kesempatan dengan mengenakan

tambang mahal kepada pelancong yang baru pertama kali berkunjung ke negara ini.

Sebenarnya, saya tidak bermaksud untuk mengagung-agungkan nilai Barat berbanding nilai Timur yang kita miliki, tetapi saya sedih kerana ramai antara kita yang sering terlupa dengan nilai yang kita miliki, sebaliknya bersikap seperti masyarakat tidak bertamadun. Jika Rice yang tidak pernah datang ke Malaysia memahami dan memuji nilai Timur yang kita miliki, kenapa kita sendiri tidak mahu mengamalkannya?

(END)